



SOALAN-SOALAN LAZIM

BANTUAN BANJIR AGROBANK 2022/2023

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 adalah kemudahan bantuan khas yang ditawarkan oleh Bank kepada pelanggan yang layak dan menghadapi kesukaran meneruskan pembayaran pembiayaan mereka akibat terkesan dengan bencana banjir yang berlaku.
2	Apakah bantuan yang ditawarkan oleh Bank di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Antara bantuan yang ditawarkan adalah:- <ul style="list-style-type: none"> ▪ Bank menawarkan penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga 6 bulan (Moratorium); dan • Penjadualan dan penstrukturran semula bayaran pembiayaan.
3	Apakah syarat kelayakan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Syarat kelayakan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023: <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan sedia ada Bank yang terjejas berikutan bencana banjir. • Akaun pembiayaan pelanggan masih belum tamat tempoh/matang. • Pemohon/lokasi perniagaan mestilah di kawasan yang berlakunya banjir dan termasuk dalam senarai kawasan yang terkesan sepetimana yang diisyiharkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara. • Pembiayaan pelanggan mestilah tidak mempunyai baki tunggakan melebihi 90 hari dari tarikh permohonan dibuat.
4	Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Penangguhan sementara bayaran ansuran bulanan untuk tempoh sehingga enam (6) bulan (Moratorium):- <ul style="list-style-type: none"> • Hanya jenis pembiayaan yang berkonseptan pembiayaan berjangka sahaja ditawarkan di bawah Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023. Penjadualan dan penstrukturran semula bayaran pembiayaan adalah untuk kesemua jenis pembiayaan.
5	Adakah bantuan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 ini memberi kesan kepada laporan CCRIS pelanggan?	Tidak.
6	Bilakah permohonan Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 boleh mula dibuat?	Pelanggan boleh memohon Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 bermula serta merta sehingga suatu tempoh atau maklumat semasa dari Bank Negara Malaysia (BNM).
7	Bagaimakah cara untuk memohon Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023?	Pelanggan boleh memohon melalui saluran komunikasi rasmi seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan secara atas talian di pautan https://www.agrobank.com.my/my/flood2022/ • Mengunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.
8	Apakah kesan kepada pembiayaan sedia ada pelanggan jika pelanggan memilih untuk menyertai Bantuan Banjir Agrobank 2022/2023 ini?	Antara kesannya adalah:- <ul style="list-style-type: none"> • Ansuran bulanan, kadar keuntungan Bank dan/atau tempoh pembiayaan mungkin akan berubah ; • Keuntungan masih lagi dikenakan ke atas pembiayaan pelanggan;

		<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian Pembiayaan baharu perlu ditandatangani selaras dengan keperluan undang-undang dan pematuhan syariah; • Jumlah keseluruhan pembiayaan akan bertambah / berubah berbanding dengan perjanjian pembiayaan asal.
9	Bagaimakah permohonan bagi pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan?	<p>Pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu akaun/jenis pembiayaan di Bank hanya perlu memohon sekali sahaja. Permohonan akan diproses oleh pihak Bank bagi kesemua akaun pembiayaan pelanggan.</p>
10	Bolehkah pelanggan yang terjejas disebabkan banjir memohon moratorium dibawah Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)?	<p>Ya boleh sekiranya pelanggan tidak pernah memohon pakej PEMULIH yang telah berjalan dari Julai 2021.</p> <p>Sekiranya pelanggan telah menyertai pakej PEMULIH ini, pelanggan tidak layak untuk memohon moratorium dibawah PEMULIH tetapi boleh dipertimbangkan dibawah pakej moratorium Agrobank *.</p> <p><i>* Tertakluk kepada terma dan syarat</i></p>
11	Bagaimana cara untuk pelanggan mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini?	<p>Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476</p>